

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SPU314 - Politik Antarabangsa dan Kerjasama Serantau/  
SPU404 - Seminar Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

- 1) Ada pendapat seperti Hamis McRae mengatakan bahawa abad ke 21 nanti akan berlakunya satu pergolakan kepimpinan di antara China dan Jepun. Dengan menggunakan pendekatan Robert Keohane, bagaimanakah anda boleh memberikan penjelasan mengenai pergolakan kepimpinan di antara China dan Jepun ini.  
(5 markah)
- 2) Huraikan dengan ringkas mengenai dasar luar Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua iaitu Dai-Toa-Shin-Chitsujo dan apakah kaitan dasar ini dengan keadaan yang berlaku di Asia Timur ketika ini.  
(5 markah)
- 3) "Sfera Kehidupan Jepun" mempunyai empat elemen yang penting. Berikan ke empat-empat elemen tersebut dan ahli-ahlinya.  
(5 markah)
- 4) Jepun cuba menghancurkan sistem kolonial barat sewaktu Perang Dunia Kedua. Berikan sistem-sistem tersebut dan terangkan dengan ringkas mengapa ia harus dihancurkan.  
(5 markah)

- 5) Telah dikatakan bahawa apabila tamatnya Perang Dingin, sistem Global sekarang ini kelihatan kabur tanpa arahnya yang khusus. Beberapa sarjana telah berpendapat bahawa Globalisasi "zigzagging" ini telah membuahkan beberapa perubahan yang ketara. Namakan tiga perubahan ini dan terangkan ia dengan ringkas. (5 markah)
- 6) Apabila Perang Dingin tamat, kita lihat beberapa perubahan kepada sistem global. Salah satunya adalah ia telah mewujudkan satu perdebatan mengenai Orde Baru Dunia. Terdapat dua pendapat mengenai perdebatan ini. Terangkan dengan ringkas mengenai kedua-dua pendapat ini. (5 markah)
- 7) Jika kita melihat kumpulan ASEAN terdapat beberapa ciri yang digunakan dalam menganalisa keadaan yang wujud di dalam ASEAN sama ada dalam politik, ekonomi mahupun sosial. Dengan menggunakan pendekatan Philip G. Cerny huraikan ciri-ciri ini. (5 markah)
- 8) Keadaan di Cambodia telah memberikan beberapa analisis mengenainya. Anda harus menganalisa pergolakan yang berlaku di Cambodia dengan menggunakan konsep hegemoni yang diutarakan oleh James Scott dan Philip G. Cerny. (5 markah)
- 9) Apakah perbezaan dan persamaan di antara pendekatan hegemoni yang diutarakan oleh Robert Keohane dan R.A. Isaak? (5 markah)
- 10) Dari pendekatan Neo-Realis dan Neo-Gramsci, berikan analisis anda kepada pendekatan yang digunakan dalam: (a) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; (b) ASEAN; (c) Penyelesaian Krisis Bosnia; (d) Kejatuhan Matawang negara-negara Asia Tenggara; dan (e) China-Hong Kong-Britain. (5 markah)
- 11) Soalan Esei
- Kacau bilau mengenai kejatuhan matawang Malaysia dan beberapa lagi matawang di negara-negara Asia Tenggara ini telah membuatkan keadaan sistem ekonomi di rantau ini tidak stabil. Beberapa spekulasi dan juga tuduhan dari negara-negara Asia Tenggara mengatakan bahawa spekulasi ini telah diusahakan oleh ahli perniagaan Amerika yang bernama George Soros yang sengaja cuba melumpuhkan ekonomi negara-negara membangun di rantau ini. Dengan menggunakan pendekatan Rober Keohane, dan Charles Kindleberger, anda diminta menganalisa keadaan ini. (50 markah)